

09 MAR 1998

MAJLIS PENUTUP SUKMA KE TUJUH DIAWALKAN SEHARI

SHAH ALAM, 9 Mac (Bernama) -- Tempoh temasya Sukan Malaysia (Sukma) ke-tujuh tahun ini dipendekkan daripada 10 hari kepada sembilan hari, kata Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar.

Beliau berkata upacara penutup yang dijadualkan pada 27 April akan dibuat sehari lebih awal kerana menghormati sambutan Awal Muharam pada keesokan hari.

"Perkara itu kita putuskan pada mesyuarat Jawatankuasa Pengelola Sukma yang saya pengerusikan pagi ini," katanya pada persidangan berita di bilik mesyuarat bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini.

Menurutnya upacara perasmian akan dijalankan oleh Pemangku Sultan Selangor pada 18 April di Stadium Shah Alam manakala acara penutup akan dilaksanakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sukma ke-tujuh itu, yang dijadualkan bermula pada 17 April, menyaksikan 24 acara sukan dipertandingkan oleh kira-kira 3,000 atlit. -- BERNAMA

AZH AHH